

UNCHR minta Putrajaya beri pas pekerja kepada pelarian Myanmar, kata Shahidan
The Malaysian Insider
Jun 22, 2015
Oleh Diyana Ibrahim

Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) meminta Putrajaya mempertimbangkan cadangan memberi pas kerja kepada semua 142, 224 imigran Myanmar yang berdaftar dengan pertubuhan tersebut, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata permintaan itu dinyatakan UNCHR kepadanya dalam satu pertemuan hari ini di mana saranan itu berdasarkan keperluan permintaan tenaga kerja pekerja asing di Malaysia.

"UNCHR mencadangkan pelarian Myanmar diberi pas kerja kerana dalam keadaan Malaysia yang memerlukan pekerja asing itu jumlahnya sama dengan kad dikeluarkan UNCHR," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Ditanya adakah Putrajaya akan mempertimbangkan cadangan UNCHR itu, Shahidan berkata ia sepatutnya diajukan kepada kementerian dalam negeri (KDN).

"Mereka hanya mencadangkan secara umum dan perlu memohon kepada KDN, itu perlu dibincangkan dengan KDN," katanya.

Ahli Parlimen Arau itu berkata berdasarkan rekod yang dikeluarkan UNCHR setakat 31 Mei, 2015 seramai 142, 222 pelarian berdaftar di bawah pertubuhan tersebut dan 49,650 daripadanya adalah pelarian suaka.

Beliau berkata daripada jumlah itu kaum Chin dari Myanmar mencatatkan jumlah pendatang terbesar seramai 49, 340 di Malaysia selain etnik Rohingya (46,581) dan Islam (12,298).

Beliau kemudiannya memberitahu The Malaysian Insider, kebimbangan jika Putrajaya meluluskan pas kerja ialah kemungkinan tercetusnya pelbagai gejala sosial dan akhirnya menimbulkan masalah kepada penduduk tempatan.

"Kebanyakan yang menerima kad di bawah UNCHR boleh balik ke negara masing-masing selepas itu, namun akan timbul masalah kepada kita apabila sesetengah daripada mereka enggan balik ke negara asal dan ini menimbulkan pelbagai perkara seperti masalah sosial.

"Contoh seperti Rohingya, mereka sudah tentu tidak boleh balik ke negara asal kerana kerajaan Myanmar tidak mengiktiraf kaum tersebut

"Saya ulangi sepertimana pernah dikatakan perdana menteri punca masalah isu itu, akarnya ialah daripada kerajaan Myanmar sendiri," katanya.

Dalam pertemuan itu juga, Shahidan turut membincangkan isu mengenai kad UNCHR yang mungkin disalah guna pelarian.

"Saya timbulkan mengenai isu kad UNCHR yang mungkin dikeluarkan, akan ada pihak salah guna kad ini dengan menjualnya.

"Itu sebabnya saya minta perkara ini disiasat," katanya. – 22 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/unchr-minta-putrajaya-beri-pas-pekerja-kepada-pelarian-myanmar-kata-shahida#sthash.ME3y0GdU.dpbs>